

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

TARIKH : 7 MAC 2017

RUJUKAN : 9596

SOALAN:

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kematian dalam penjara mengikut perincian kaum bagi setiap tahun dari 2000 hingga 2017 dan mengapa Balamurugan yang meninggal dunia pada 7 Februari di Balai Polis Klang tidak menerima bantuan perubatan yang sepatutnya dan adakah EAIC akan digantikan dengan IPCMC.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan pihak polis atau pihak penguatkuasa yang lain dan tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat secara terperinci dan tindakan sewajarnya diambil sama ada daripada sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik kematian dalam penjara di seluruh negara bagi tahun 2010 sehingga 20 Februari 2017 adalah seramai 1,654 orang iaitu semasa penghuni berkaitan menerima rawatan lanjut di hospital disebabkan masalah penyakit seperti HIV, kanser, sakit jantung, masalah darah, paru-paru, tibi, asma dan lain-lain penyakit.

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,037 orang adalah berbangsa Melayu, 222 orang berbangsa Cina, 182 orang berbangsa India, 28 orang bangsa lain dan 185 orang adalah warganegara asing.

Berkaitan kes kematian Balamurugan A/L M. Suppiah di Balai Polis Klang pada 7 Februari 2017, Kementerian tidak bercadang

untuk mengulas lebih lanjut kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak polis dan pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi menentukan punca kematian.

Merujuk kepada pertanyaan sama ada SIAP akan digantikan dengan IPCMC, perkara tersebut tidak lagi ada keperluan memandangkan kerajaan telah menubuhkan SIAP dan akta berkenaan juga telah diluluskan oleh Parlimen.